

## EKONOMI

## CAGAMAS MUKTAMAD TERBITAN SUKUK RM1.03 BILION



25/07/2023 07:00 PM

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) – Cagamas Bhd berjaya memuktamadkan agregat dana bersamaan RM1.03 bilion yang dikumpul, terdiri daripada RM300 juta Kertas Komersial Islam (ICP) tiga bulan dan RM735 juta Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) setahun.

Dalam satu kenyataan hari ini, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong, berkata aktiviti pengumpulan dana Cagamas terus mendapat momentum dengan kejayaan menyelesaikan usaha pembiayaan dalam keadaan pasaran domestik yang bertambah baik.

“Hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk membeli pembiayaan rumah secara Islam daripada sistem kewangan domestik, mencerminkan penyediaan kecairan berterusan oleh syarikat kepada sistem perbankan domestik.

“IMTN berjaya dimuktamadkan melalui pelaksanaan penentuan harga yang membolehkan Cagamas mengikat harga sebanyak 5.0 mata asas (bps) daripada panduan harga awal 3.79 peratus kepada 3.74 peratus yang terakhir, mencatatkan spread 40 mata asas berbanding Sekuriti Kerajaan Malaysia,” katanya.

Chung berkata terbitan itu menarik langganan daripada pelbagai pelabur termasuk institusi kewangan, pengurusan aset dan syarikat insurans, manakala ICP ditempatkan secara persendirian.

Terbitan baharu itu menjadikan terbitan agregat syarikat bagi tahun tersebut kepada RM14.01 bilion.

"Kertas-kertas itu, yang akan ditebus pada nilai nominal penuhnya apabila matang, adalah obligasi tidak bercagar syarikat, meletakkan kedudukan 'pari passu' dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada syarikat yang lain. Ia akan disenaraikan dan boleh didagangkan di bawah Sistem Perdagangan Sekuriti Tanpa Skrip," kata Cagamas.

-- BERNAMA